

FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN (FTK)

KEKALKAN KEJUARAAN KESELURUHAN SUKAN PELAJAR ANTARA PUSAT PENGAJIAN

PAUH PUTRA, Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) berjaya mengekalkan kejuaraan dua kali berturut-turut pada Kejohanan Sukan Antara Pusat-Pusat Pengajian Universiti Perlis (UniMAP) 2017 yang berlangsung pada 1 hingga 3 Disember lalu.

FTK meraih tiga emas, tiga perak dan satu gangsa. Pingat emas diperolehi melalui acara Bola Jaring Wanita, Bola Tampar Lelaki dan Ragbi 7's. Tempat kedua pula dimenangi Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik (PPKSE) dengan kumpulan tiga emas yang diraih melalui acara Petanque (Lelaki), Bola Sepak 9'S dan Bola Tampar Wanita selain tiga gangsa. Manakala tempat ketiga diraih Naib Johan tahun lalu, PPK Mikroelektronik dengan dua emas, dua perak dan dua gangsa.

Sebanyak sembilan acara dipertandingkan iaitu bola jaring wanita, bola tampar lelaki

dan wanita, sepak takraw antara regu lelaki, bola keranjang lelaki, bola baling lelaki, woodball lelaki dan wanita, ragbi 7's lelaki, petanque lelaki dan wanita serta bola sepak. Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Naib Canselor UniMAP, Datuk Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP, Prof. Madya Dr. Mohd Foad Sakdan dan Pengarah Pusat Sukan UniMAP, Suhizaz Sudin. Kejohanan yang berlangsung di Stadium Kompleks Sukan Syed Sirajuddin Areeb Putra, UniMAP itu dianjurkan bertujuan bagi membudayakan sukan di kalangan pelajar UniMAP di samping mengeratkan hubungan di kalangan pelajar.

